



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/03/19 (HQ)

TNB TIDAK PERNAH IKTIRAF ALAT JIMAT ELEKTRIK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan pengguna agar tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai taktik dari mana-mana pihak yang menawarkan alat jimat elektrik sama ada secara langsung di premis-premis perniagaan atau pun di platform media sosial.

Pengguna juga dinasihatkan agar tidak mudah terpedaya dengan pihak yang menjual produk ini menggunakan testimoni palsu kononnya oleh TNB atau kakitangan TNB.

Untuk makluman, TNB tidak pernah memberi pengiktirafan kepada produk-produk sebegini.

Cara terbaik untuk menjimatkan elektrik adalah dengan mengamalkan langkah kecekapan tenaga. Sila layari www.tnb.com.my untuk tip-tip menjimatkan elektrik.

Label cekap tenaga oleh Suruhanjaya Tenaga untuk beberapa peralatan elektrik pula boleh dijadikan panduan bagi pembelian peralatan elektrik yang jimat elektrik.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Mac 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) atau
Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602)
media@tnb.com.my*